

Newspaper	Berita Harian
Date	11/12/2012

# Cukai meningkat bukti ekonomi pesat

BH-11/12/12

» *Dr Mahathir yakin kutipan galak bina infrastruktur tarik pelabur*

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah@bharian.com.my

► **Cyberjaya**

**K**utipan cukai negara yang bertambah setiap tahun adalah hasil daripada pentadbiran kerajaan yang cekap sehingga membolehkan ekonomi berkembang dengan pesat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad,

berkata cukai yang disifatkannya sebagai 'kuasa' digunakan kerajaan sebaik-baiknya bagi membina infrastruktur dan terus membangunkan ekonomi dengan menggalakkan pelaburan dari dalam serta luar negara.

"Jika hari ini kita selamat daripada kegawatan ekonomi seperti yang menimpa Amerika Syarikat, Greece dan negara lain disebabkan kita cekap dalam pentadbiran, menadbir secara jujur lagi ikhlas dan kita (rakyat) membayar hasil.

## **Perniagaan baik**

"Perniagaan di negara ini dapat berjalan dengan baik dan kutipan cukai tanpa membatikan rasuah membolehkan kerajaan dapat mengutip hasil cukai yang banyak," katanya

pada majlis Bicara Bersama Negarawan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), di sini semalam.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar dan disaksikan secara langsung oleh kira-kira 1,000 kakitangan LHDN di ibu pejabat di sini dan setiap negeri melalui sidang video.

Dr Mahathir juga mengingatkan LHDN mengelakkan tindakan keras ketika mengutip hasil daripada pihak tertentu kerana ia hanya mendorong rasuah.

Katanya, seseorang yang ada kuasa tidak wajar melampaui batasan, sebaliknya setiap tindakan harus dilakukan mengikut had kuasa yang diberi untuk mengutip hasil supaya rakyat akan lebih meng-

hormati LHDN, bukannya dengan menindas orang lain.

Tambah beliau, kegagalan memungut cukai juga boleh memberi kesan negatif kepada negara termasuk berlakunya kes rasuah berleluasa.

"Apabila kerajaan tidak dapat memungut cukai secukupnya, mereka tidak dapat bayar gaji yang tinggi kepada penjawat awam dan pegawai tidak akan berpuas hati dengan gaji yang diterima. Jadi, pegawai akan mencari punca lain untuk menambah pendapatan termasuk menerima rasuah.

## **Rasuah sekat pendapatan**

"Apabila amalkan rasuah, pendapatan kerajaan tidak akan meningkat kerana banyak yang masuk poket sendiri. Jadi, gaji pekerja tidak boleh dinaikkan, rasuah akan terus berleluasa," katanya.

Ketika ditanya harapannya pada 2020 selain melihat Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi, Dr Mahathir berkata, wang bukan segala-galanya kerana apa yang lebih penting ialah rakyat negara ini dipandang tinggi di mata dunia.